

Gunaratna kaki ampu — Dr. M

UM 2 2 OCT 2002

SUBANG 21 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penulis Sri Lanka, Rohan Gunaratna yang mengaitkan Barisan Nasional (BN) dengan rangkaian pengganas Al-Qaeda adalah kaki ampu yang membuat dakwaan itu semata-mata untuk mendapat pujian daripada Barat.

Tegas Perdana Menteri, kerajaan tidak berasa hormat langsung kepada penulis berkenaan yang sebenarnya bodoh dan tidak mengetahui langsung apa yang ditulisnya.

Beliau turut mempersoalkan kenyataan Gunaratna yang mendakwa memperoleh maklumat itu daripada perisik Filipina yang dianggapnya tidak semestinya betul.

Dalam hubungan ini, beliau menegaskan kerajaan hanya akan mengambil tindakan undang-undang terhadap Gunaratna sekiranya ada kes yang boleh disabitkan berhubung dakwaan palsu itu.

“Orang macam inilah (Gunaratna) yang merosakkan segala-segalanya, mereka bodoh tak tahu apa-apa dan menulis basal nak dapat tepuk di belakang oleh barat.

“Tak guna hormat pun orang ini. Cuma orang Asia (seperti ini) nakkan dipuji dan ditebuk belakang... diri dia pun dia akan jual,” katanya kepada pemberita setibanya dari lapangan kerja ke Pakistan, India dan Arab Saudi di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini malam ini.

Beliau mengulas tindakan Gunaratna mengaitkan BN dengan rangkaian pengganas al-Qaeda dalam bukunya bertajuk *Inside al-Qaeda-Global Network of Terror*.

Dakwaan Gunaratna yang bekerja di Singapura itu mendapat bantahan keras daripada pertubuhan-pertubuhan politik di negara ini selepas didedahkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan berpendapat tiada gunanya menyaman Gunaratna yang kini berada di luar negara memandangkan keadilan mungkin sukar diperolehi.

Tegasnya, beliau juga tidak percaya tindakan mengharamkan buku tulisannya boleh menangani tuduhan yang dibuat.